

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



PROGRAM KURSUS DALAM TALIAN YANG BERTAJUK AMALAN TERBAIK MENGURUS BORANG PADA 13 APRIL 2023

Pada tarikh 13 April 2023, hari Khamis, bermula pada pukul 10 pagi sehingga pukul 11 pagi, satu program kursus dalam talian yang bertajuk “Amalan Terbaik Mengurus Borang” telah diadakan dengan jayanya. Kursus ini dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Penceramah yang bertugas ialah Encik Ahmad Azman Bin Mohamad Ramli. Beliau merupakan pensyarah kanan yang bertugas di Pengajian Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Manakala moderator yang bertugas ialah Cik Siti Nur Athirah Binti Abu Amin. Beliau pelajar daripada Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau yang sedang menjalani latihan industri selama enam bulan di perpustakaan tersebut.

Melalui perlaksanaan kursus ini, penceramah telah berkongsi ilmu berkaitan amalan terbaik mengurus borang yang penting diamalkan setiap warga kerja di UiTM. Contoh perkara yang dibincang dalam kursus ini ialah definisi borang, kepentingan borang, cara penomboran borang, gaya bahasa borang, teknik pemeliharaan borang dan lain-lain. Penceramah juga telah memberi peluang kepada para peserta kursus bertanya bagi mendapat penjelasan yang lebih terperinci tentang sesuatu perkara yang dibincang dalam kursus tersebut. Para peserta kursus yang hadir juga diberi kemudahan mendapat sijil digital penyertaan dan kehadiran mereka diambil kira untuk pengumpulan jam latihan kakitangan di UiTM.


Berdasarkan kandungan kursus yang relevan dengan tugas seharian di pejabat dan juga bilangan penyertaan peserta kursus yang menggalakkan, adalah dicadangkan kursus berkaitan pengurusan dokumen secara dalam talian sebegini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan di UiTM. Melalui perlaksanaan kursus sebegini juga, diharap ia dapat memberi peluang dan ruang kepada warga kerja UiTM yang berminat dan berkemampuan untuk memberi sumbangan bakti berbentuk perkongsian ilmu secara percuma kepada lain-lain warga kerja. Di akhir kata, semoga perkongsian ilmu ini dapat membantu menambahkan lagi kecekapan

*Ahmad Azman Bin
Mohamad Ramli*

*Pengajian Maklumat, Kolej
Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Media*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

warga kerja UiTM dalam menjalankan tugas seharian mengurus dokumen berbentuk borang di pejabat dan seterusnya membantu meningkatkan lagi kecemerlangan tadbir urus dan imej terpuji UiTM di mata pelanggannya.



A promotional poster for a webinar. The title is 'AMALAN TERBAIK MENGURUS BORANG' in large yellow letters. Below the title, it says 'LIVE WEBINAR ((o))' and '13 April 2023 (Khamis) 10.00 pagi - 11.00 pagi Cisco Webex'. A QR code is labeled 'IMBAS DISINI'. A banner says 'DISEDIAKAN E-SIJIL JAM LATHAN'. The poster features two circular portraits: one of a man in a suit and cap, and one of a woman in a hijab. Text next to the man's portrait identifies him as 'AHMAD AZMAN BIN MOHAMAD RAMLI PENSYARAH KANAN, Pengajaran Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Negeri Sembilan Kampus Rembau'. Text next to the woman's portrait identifies her as 'MODERATOR SITI NUR ATHIRAH BINTI ABU AMIN'. The poster also includes the logos of 'UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA' and 'PTAR' (UiTM di hataju). At the bottom, there are social media handles for Instagram, Facebook, and Twitter, along with a URL: 'https://t.me/ptarkualapilah'.